



**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (a) - GAJI HARI**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI**

**PEGAWAI UNDANG-UNDANG (B.2 EB.3)  
PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 25 JANUARI 2023  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 08 FEBRUARI 2023  
BILANGAN IKLAN: 2023/JAN/18**

**PERATURAN 7 (a) - GAJI HARI**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



## **IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI**

**PEGAWAI UNDANG-UNDANG  
PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

### **KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Undang-Undang (*LLB*) atau bidang bersesuaian.  
  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Kefasihan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Berkebolehan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mana-mana tindakan Sivil dan Jenayah;
2. Menasihati Jabatan-Jabatan Kerajaan mengenai masalah undang-undang;
3. Menggubal dan menyelidik Undang-Undang;
4. Menjalankan tugas sebagai Pendaftar di bawah Undang-Undang yang ditadbir oleh Pejabat Peguam Negara; dan
5. Bertanggungjawab ke atas kerja-kerja lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.